

04/08/2003

Pemain import suka Siti Nurhaliza

Raja Ahmad Zainuddin

JIKA benar apa ditegur Ketua Setiausaha Negara (KSN) baru-baru ini mengenai adanya pegawai dan kakitangan yang bermain golf di waktu pejabat ia sewajarnya di padang serius.

Pada masa yang sama jangan pula sampai ada pihak yang akan mengambil kesempatan di atas teguran Tan Sri Samsuddin Osman itu bagi mengeruhkan lagi keadaan, anggaplah ia sebagai nasihat.

Bimbang juga kalau ada yang tersalah tafsir di atas teguran beliau itu akan mengambil kesempatan untuk menikam dari belakang. Cuba mengampu, memburuk-buruk mana pihak terutama mereka yang ada kepentingan.

Dalam dunia yang serba canggih dan globalisasi ini, jangan kita sangka tiada lagi mereka yang masih bersikap kolot dan berperasaan dengki jika cara itu ia boleh mencapai hasrat dan cita-cita mereka walaupun rakan turut menjadi mangsa.

Dalam badan sukan atau persatuan yang lain pun begitu juga. Jika ada mana-mana individu berasa mereka sudah tertekan mereka ini bukan setakat menjadi seperti kacang lupukan kulit, tetapi sanggup melempar batu sembunyi tangan dan menuding jari kepada orang lain untuk menutup tembeling sendiri, terutama jika kedudukan mereka sudah tergugat.

Mereka yang tidak cukup dengan rezeki dan nikmat Allah dan masih bernafsu besar akan melakukan apa sahaja hingga menggunakan nama pemimpin untuk menutup periuk nasi orang lain.

Sampai bila sikap fitnah menfitnah ini akan berakhir. Kita sepatutnya sudah lebih maju ke hadapan dengan dunia IT seperti yang digambarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk lebih berjaya di peringkat antarabangsa kita mesti bersedia untuk bersaing, sepertimana pernah diluahkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kita berbangga kerana adanya nama-nama seperti Datuk Azhar Mansor dan Abdul Malik Mydin yang sudah dan akan mengibar Jalur Gemilang di persada antarabangsa sebagai pelayar solo dunia dan perenang maraton luar biasa.

Juga tidak lupa menyebut nama lain yang pernah menembusi tembok sukan antara bangsa seperti Muhamad Hafiz Hashim dari arena badminton dan ratu bowling, Shalin Zulkifli.

Rasa megah yang tidak terkira kerana Jalur Gemilang kita juga terpacak di puncak gunung Everest, selain kagum dengan teladan yang berjaya ditunjukkan Dr Mahathir kerana menjadi pemimpin negara pertama bertapak di Kutub Selatan.

Tetapi sayang dalam era kita mencapai segala impian untuk menjadi rakyat yang serba boleh, masih ada mereka yang mengambil jalan mudah untuk mengaut keuntungan, tidak kiralah dalam perniagaan, persatuan mahupun sukan.

Seorang teman saya yang cuba berjinak-jinak dalam perniagaan peralatan sukan juga mengeluh kerana tertipu rakan sendiri yang dia sangka seorang yang jujur tetapi sebenarnya penipu besar.

Sebenarnya ramai bekas atlit yang bertukar profesion menjadi ahli perniagaan, kontraktor dan juga pemaju. Tidak kurang juga ada di kalangan bekas pemain bola sepak yang menjadi pemain pro dalam sukan lain seperti golf. Di antaranya Wong Hung Nung dan Chow Chee Keong di Hong Kong.

Pada hari ini ramai yang menggemari golf, walaupun sukan ini dianggap sukan elit. Bagi kalangan remaja, hanya anak mereka yang berkedudukan yang berpeluang manakala yang di peringkat pertengahan masih boleh dikira

bilangannya.

Begitu pun, sampai bila kita mahu melihat hanya mereka yang berkemampuan untuk mendapat peluang, sedangkan ramai juga anak muda yang berbakat besar, tetapi tidak mampu berbuat demikian, kerana keadaan hidup.

Justeru, jika nasihat KSN itu diambil kira, apa salahnya jika ada mana-mana pegawai, tokoh korporat yang sudi membiayai atau menaja anak muda yang berbakat besar, tetapi tidak mampu untuk pergi lebih jauh di sukan tersebut.

Jika itu pun sukar, apa salahnya jika anak-anak muda yang mahu berjinak-jinak dengan sukan ini, diambil menjadi caddy mana-mana kelab golf sebagai peringkat awal pendedahan, kerana ramai juga di kalangan mereka ini yang pernah menjadi pemain pro daripada menggunakan tenaga asing.

Begitupun, kita tetap mengalu-alukan inisiatif setengah pihak yang sudah mula menghantar anak mereka untuk berlatih menjadi pemain pro di luar negara. Sikap sedemikian diharap akan juga berkembang kepada sukan individu yang lain bagi mereka yang mula sedar masa depan sebagai pemain pro.

Tahniah kepada Sapura Holdings kerana menganjurkan program golf di kalangan pelajar sekolah menengah yang terpilih di kawasan Wilayah Persekutuan. Mudah-mudahan yang baik itu akan dibalas baik juga Allah hendaknya.

Dalam pada itu, bekas beregu juara badminton Seluruh England, Ng Boon Bee pernah saya temui membuka perniagaan menjual peralatan sukan sendiri di salah sebuah kompleks renang di Ipoh, sambil dikatakan menjadi jurulatih tenis di kelab itu.

Ada juga yang membuka kafe sendiri seperti Santokh Singh di Kuala Lumpur dan ramai lagi yang pernah saya temui yang berjaya setidak-tidaknya hasil titik peluh mereka selama ini bergelumang di dalam karier bola sepak.

Mana-mana pendedahan ahli sukan negara kita di peringkat antarabangsa amat di alu-alukan. Kunjungan kelab liga Inggeris ke negara kita dalam kejohanan Liga Perdana Inggeris Piala Asia baru-baru ini memberi manfaat besar kepada pemain kebangsaan.

Kehadiran mereka secara tidak langsung juga melenyapkan segala tomahan selama ini yang menggambarkan bahawa negara kita tidak selamat dan terdedah kepada kegiatan keganasan, sedangkan kita tidak pun menerima apa-apa rungutan daripada mana-mana pegawai dan pemain tentang keselamatan mereka sepanjang berada di Kuala Lumpur.

Begitu juga dengan suasana hidup pemain import yang sedang berhempas pulas bersama pasukan Liga Perdana Malaysia yang rata-rata di kalangan mereka ini amat terhutang budi kerana dapat melebarkan karier mereka di negara ini.

Bahkan, ada juga di antara pemain tersebut seperti tinggal di negara sendiri dan sudah sehati dengan adat serta budaya hidup di negara ini hinggakan ada yang dikatakan tertarik dengan artis tempatan seperti Siti Nurhaliza.